

18 MAR 2000

Umno-Pencalonan (Sabah)

USAHA CALONKAN KU LI GAGAL, MAHATHIR DAN ABDULLAH TERUS DAPAT SOKONGAN

KOTA KINABALU, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mendapat tiga lagi pencalonan di Sabah masing-masing bagi jawatan Presiden Umno dan Timbalan Presiden Umno.

Pencalonan-pencalonan itu dikemukakan oleh Umno bahagian Beaufort, Tenom dan Libaran yang selesai mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini.

Pencalonan di ketiga-tiga bahagian itu menjadikan jumlah untuk Dr Mahathir dan Abdullah di Sabah meningkat kepada 11 pencalonan setakat ini.

Persidangan di Beaufort bagaimanapun kecoh seketika apabila naib ketua bahagiannya Zahari Zinin mengemukakan usul mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan timbalan presiden.

Usul beliau itu bagaimanapun tidak mendapat sokongan.

Ketiga-tiga bahagian itu turut mencalonkan Datuk Osu Sukam dan Datuk Seri Najib Tun Razak bagi jawatan naib presiden manakala Datuk Abdul Ghani Othman, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Datuk Seri Syed Hamid Albar masing-masing dicalonkan oleh bahagian Beaufort, Tenom dan Libaran untuk jawatan yang sama.

Antara yang dicalonkan bagi jawatan majlis tertinggi di BEAUFORT ialah Datuk Lajim Ukin, Datuk Anifah Aman, Datuk Salleh Tun Said, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Shafie Apdal, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Dr Hilmi Yahya, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Dr Yusof Nor, Datuk Seri Mohamed Shariff Omar, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Zainal Dahalan, Datuk Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Adam Hamid, Datuk Mohamed Hasan dan Datuk Nazri Aziz.

Calon majlis tertinggi di TENOM ialah: Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Lajim Ukin, Datuk Shafie Apdal, Datuk Anifah Aman, Suhaili Abdul Rahman, Datuk Dr Yusof Yacob, Datuk Nazri Abdul Aziz, Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Yusof Nor, Datuk Wira Ali Rustam, Datuk Dr Suleiman Mohamad, Datuk Azmi Khalid, Datuk Seri Mohamed Shariff Omar, Datuk Dr Mahadzir Mohamed Khir, Datuk Abdul Aziz Samsuddin, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Zainal Abidin Zin, Dr Noraesah Mohamad, Datuk Yaakob Mohammad, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Mohammad Hasan dan Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

-- BERNAMA

MZ JS PR